

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# 'Bahasa Mandarin saya tiba-tiba fasih'

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**  
utusannews@mediamulla.com.my

**REMBAU:** "Saya sudah terima vaksin Sinovac, bahasa Mandarin saya tiba-tiba sangat fasih," seloroh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaludin ketika memulakan sidang akhbar selepas menjadi individu pertama menerima vaksin Sinovac di negara ini.

Beliau disuntik dengan vaksin berkenaan kira-kira pukul 1.30 petang oleh Ketua Penyelea Jururawat Hospital Rembau, Salha Abd. Samad di Hospital Rembau, semalam.

"Saya tawarkan diri jadi orang pertama atas prinsip kepercayaan terhadap proses penilaian dan keputusan yang dibuat Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA) terhadap tahap keselamatan, keberkesanan dan kestabilan vaksin yang diberikan di Malaysia.

"Sinovac sama seperti Pfizer

yang diberikan kepada penduduk sebelum ini dan selamat, berkesan dan stabil untuk diambil. Alhamdulillah sepanjang 30 minit tempoh minimum peman-tauan, saya tak mengalami kesan sampingan teruk," kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan itu.

Turut menerima suntikan pertama vaksin Sinovac semalam ialah 10 petugas barisan hadapan di Negeri Sembilan.

Sementara itu, Khairy berkata, vaksin Sinovac tidak perlu diragui lagi dan telah lebih 60 juta dos vaksin berkenaan disuntik di seluruh dunia antaranya di China, Turki, Brazil dan Indonesia.

"Presiden Indonesia, Joko Widodo dan Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan juga menerima suntikan vaksin Sinovac," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, semua pengguna aplikasi MySejahtera boleh mendaftar-

kan golongan warga emas yang menjadi tanggungan mereka bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) menerusi aplikasi tersebut mulai hari ini.

Katanya, pendaftaran bagi fasa dua PICK iaitu yang melibatkan kumpulan berisiko tinggi termasuk warga emas masih lagi rendah.

Di Putrajaya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Klinik Kesihatan Presint 18, semalam.

Turut bersama beliau ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Mohd. Shafiq Abdullah.

Seramai 367,123 individu dalam kalangan petugas barisan hadapan menerima dos pertama vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sehingga kelmarin.